




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 22 RABU 1 JUN, 1966 1386 رابو 12 صفر PERCHUMA



D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN MENGURNIAKAN PANJI-PANJI KAPADA PASOKAN A.M.D.B.

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan panji2 atau bendera yang di-gunakan sa-bagai lambang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dalam satu upacara yang di-langsungkan di-Padang Kawat Perkhemahan Berakas pada pagi kelemarin.

Sa-belum menyerahkan panji2 itu kepada pegawai yang membawa-nya, Leftenan Muda Ak. Abidin bin Pengiran Ahmad, Baginda telah memeriksa Perbarisan Kehormatan yang di-ambil bahagian oleh kira2 200 orang askar yang terdiri dari 4 pasokan yang di-ketuai oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Lt. Col. Dato Setia D. M. Fletcher.

Dalam titah ucapan di-upacara itu, Duli Yang Maha Mulia, selaku Pegawai Pemerintah Tertinggi A.M.D.B. telah mensifatkan upacara menyampaikan panji2 itu sa-bagai satu sa'at yang penting

dalam riwayat Askar Melayu Diraja Brunei.

Titah Baginda, "Ada-lah lebeh sa-tahun hari ini semenjak beta selaku Colonel-in-Chief dengan gembira-nya memberi gelaran 'Diraja' kepada askar ini."

Maka dengan bertambahnya tanggung-jawab2 pasokan itu, maka ada-lah mustahak bagi-nya di-lengkapi dengan alat2 perkakas dan senjata2 yang paling moden, bagi membolehkan ia-nya menjalankan tugas baik di-darat, mahupun di-laut dan di-udara.

KEGEMBIRAAN

Baginda juga menyatakan kegembiraan apabila mengetahui yang pengkalan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-tempatkan di-Muara itu pada masa ini hampir siap pembinaannya, yang nanti-nya akan memudahkan gerakan meronda di-laut.

Menyebut tentang kemajuan yang di-chapai oleh pasokan itu sa-lama ini, Baginda ber-

(Lihat Muka 8)

D.Y.M.M. Raja Isteri Berchemar Duli

Ka-Asrama Jururawat

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar Duli ka-Asrama Jururawat Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei, pada petang hari Rabu yang lalu.

Semasa keberangkatan D.Y.M.M. Raja Isteri ka-Asrama Jururawat tersebut, Baginda telah menyampaikan Sijil2 kepada beberapa orang Bidan, Penulong2 Jururawat dan sa-orang Penulong Rendah Rumah Sakit.

Terlebeh dahulu Pegawai Perubatan Negara, Dato Doktor P. I. Franks telah memberikan satu ucapan yang berharga di-majlis tersebut.

GAMBAR ATAS — D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan semasa Baginda memeriksa Perbarisan Kehormatan Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Berakas pagi kelemarin.
GAMBAR KIRI — Leftenan Muda Awangku Abidin kelihatan memegang Panji2 yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dalam satu upacara yang bersejarah di-Perkhemahan A.M.D.B. di-Berakas pada pagi hari Thalatha 31 Mei, 1966.



36 Orang Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang Menghadhiri Kursus Pertanian

KAMPONG KIUDANG. — Sa-ramai 36 orang ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang, Tutong, termasuk 17 orang perempuan telah mengadakan lawatan ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an Kilanas pada pagi hari Sabtu 28 Mei, 1966, sa-bagai penamat kursus pertanian yang mereka jalani sa-lama 5 hari anjoran Jabatan Pertanian Negara Brunei.

Dengan ini, sa-banyak 9 buah Persatuan2 Peladang dari seluroh Negeri Brunei telah mengadakan lawatan ka-pusat tersebut untuk meninjau le b e h dekat chara2 yang baik bagi mengusahakan dan memajukan pertanian di-negeri ini.

Dalam ucapan mengalu2kan lawatan mereka itu, Penu-lung Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyatakan kegembiraan-nya kerana telah ramai bilangan kaum ibu turut berganding bahu dengan kaum bapa — demi untuk memajukan lapang-pertanian negeri ini.

Beliau yakin bahawa untuk masa akan datang, kaum ibu

akan lebeh ramai lagi bilangan-nya untuk bergerak sama dengan kaum bapa dalam usaha memajukan usaha2 bagi memajukan pertanian.

Pengiran Damit sa-terus-nya menyeru seluroh kaum tani dan ra'ayat negeri ini supaya membuktikan kata2 'Brunei Tanah Ayerku' dengan berbakti kepada tanah yang luas terbentang yang maseh belum di-buka lagi.

Lawatan itu telah di-ketuai oleh Yang Dipertua Persatuan Peladang Kampong Kiudang, Che'gu Omar Ali bin Esong dan lawatan tersebut ialah yang paling ramai sa-kali jika di-bandingkan dengan lawatan2 ahli2 persatuan2 peladang yang lain yang pernah di-lakukan.



Seramai 36 orang ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiudang yang telah menghadhiri Kursus Pertanian di-kampung mereka baru2 ini telah melawat ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an di-Kilanas pada hari Sabtu yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan di-antara ahli2 persatuan peladang tersebut semasa lawatan mereka ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an di-Kilanas pada hari tersebut.

KEMPEN MELEKAT POSTER BAHASA RASMI NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengelola Perkembangan Bahasa, Awang Mahmud Bakyr dalam surat keliling bertarikh 16 Mei, yang lalu menyatakan bahawa satu gerakan yang di-berinama Kempen Melekat Poster akan di-adakan mulai pada 29 Sep-

tember, 1966.

Maksud kempen ini, katanya, ia-lah untuk mengingatkan orang ramai tentang peri mustahak-nya kita di-negeri ini mempunyai satu bahasa tunggal sa-bagai alat perpaduan bangsa.

Sa-lain dari itu, Awang Mahmud menyatakan bahawa kempen itu juga sa-bagai menandakan ulang tahun lahirnya perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang antara lain mengkanonkan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Sementara itu, Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya Negeri Brunei yang telah menamatkan gerakan majlis perbinchangan-nya pada minggu lalu akan memulakan gerakan perbinchangan yang kedua mulai 3 Jun hingga 30 Disember, 1966.

Dalam jangka waktu itu, sa-banyak 15 buah tajok2 perbinchangan telah di-sediakan yang antara-nya termasuk-lah tajok perbinchangan yang berbunyi Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Pentadbiran Kerajaan, dan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Undang2.

Sa-lain dari itu, perbinchangan2 mengenai Taraf Mata Pelajaran di-Sekolah2 Melayu dan perjuangan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei untuk meninggikan pelajaran anak2 Melayu akan juga di-adakan.

Undang2 Taraf Kebangsaan di-tinjau dari sudut lulus Bahasa Melayu dan Pengajaran Bahasa Melayu di-Sekolah2 bukan Melayu di-jangka akan hangat di-binchangkan.

KURSUS PERTANIAN BAGI AHLI2 PERSATUAN PELADANG KAMPONG MASIN DAN JUNJONGAN

KAMPONG MASIN. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Masin dan Junjongan akan menghadhiri satu Kursus Pertanian selama lima hari dalam bulan Jun ini.

Jadual ranchangan kursus pertanian tersebut ada-lah seperti berikut:

HARI ITHNIN 6 JUN: (a) 8.30 pagi: Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Brunei berangkat ka-Masin; (b) 4 petang ka-6 petang: Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Pertanian tersebut.

HARI THALATHA 7 JUN: (a) 7.30 pagi ka-12 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2; (b) 4—6 petang: Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

HARI RABU 8 JUN: (a) 7.30 pagi ka-12 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2; (b) 4—6 petang: Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

HARI KHAMIS 9 JUN: (a) 7.30 pagi ka-12 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan

dan ladang2; (b) 4—6 petang: Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

HARI JUMA'AT 10 JUN: 4—6 petang: Sharahan2 Pertanian dan Cheramah.

HARI SABTU 11 JUN: 8.30 pagi: Rombongan Pegawai2 Pertanian berangkat balek ka-Bandar Brunei.

HARI ITHNIN 13 JUN: 8.30 pagi: Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Masin dan Junjongan melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas, sambil meninjau sa-chara langsung dalam segi Pertanian, Penternakan dan Perusahaan.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU — Bahasa Rasmi Negara Sa-tiap Masa



LATEHAN PERMULAAN PEMIMPIN2 PENGAKAP DI-SELUROH NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Awang Yahya Mohd. Yussof, Pesuruhjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei telah mengumumkan, ia itu satu Latehan Permulaan bagi Pemimpin2 Pengakap akan diadakan di-Perkhemahan Jerudong selama 3 hari berturut2 mulai pada 10, 11 dan 12 Jun, 1966. Latehan ini ada-lah terbuka kepada Pemimpin2 Pengakap di-seluruh Negeri Brunei.

Lawatan Muhibbah Belia2 Dari Seria Ka-Keriam

KERIAM. — Sa-rombongan ahli2 Persatuan Belia Seria mengandungi seramai kira2 30 orang telah mengadakan lawatan muhibbah ka-rumah Persatuan Melayu Keriam Tutong pada hari Juma'at 27 Mei, 1966.

Rombongan tersebut diketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Penasehat Persatuan Belia Seria.

Pada petang hari tersebut satu majlis Ramah Tamah telah diadakan di-rumah P.M. K.T. Kemudian satu perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-antara ahli2 Persatuan Belia Seria dengan ahli2 Persatuan Melayu Keriam, telah diadakan di-padang Sekolah Melayu Keriam.

Keputusan-nya Pasokan P.M.K.T. telah mengalahkan Pasokan P.B.S. dengan 6 gol tidak berbalas.

Pada sa-belah malam pula, Persatuan Belia Seria telah mempersembahkan satu temasha MALAM ANEKA RIA di-Dewan P.M.K.T., mengandungi berbagai2 acara, dengan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Rombongan Muhibbah dari Persatuan Belia Seria itu telah berangkat balek ka-Seria pada pertengahan malam tersebut.

Beliau juga mengumumkan, walau pun latehan ini di-khususkan kepada Pemimpin2 Pengakap, tetapi Pengakap2 Kanan yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun akan di-beri peluang bagi mengambil bahagian di-dalam latehan ini, sekiranya mereka ini ingin akan menjadi Pemimpin Pengakap pada masa yang akan datang. Borang2 permohonan bagi mengambil bahagian di-dalam latehan ini telah pun di-keluarkan kepada semua Pasokan2 Pengakap di-seluruh Negeri Brunei dan sekiranya ada di-antara Pasokan2 yang belum

menerima-nya ada-lah di-nasehatkan berhubung segera dengan Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmed, d/a Jabatan Pelajaran, Brunei.

- Tujuan latehan ini ia-lah:
- Bagi memberi dan menunjukkan chara2 menjalankan Pasokan Pengakap dengan sechara praktikal sebagai mana yang di-gunakan oleh B.P.
 - Bagi memberi Pemimpin2 Pengakap latehan yang penoh di-dalam bahagian teknikal sa-hingga Pingat Kelas Dua.
 - Bagi menunjukkan chara2 latehan praktikal di-dalam berpengakap.
 - Bagi menunjukkan chara2 membuat persediaan

dan menjalankan perjumpaan pasokan.

- Bagi menunjukkan berbagai2 kerja, permainan, perlawanan dan lain2-nya di-mana kebolehan2 teknikal dapat di-pergunakan seperti ikatan, peta, pertukangan di-seni kesenian dan lain2-nya.
- Bagi memberi berbagai2 chuntuh kepada Pemimpin2 Pengakap bahan2 yang berguna dan menarik kepada kanak2.
- Bagi memberi Pemimpin2 Pengakap bahan2 baru untuk menerus dan meluaskan pengalaman mereka di-dalam pergerakan berpengakap dan seterusnya menyediakan diri bagi mengambil Latehan Wood Badge Bahagian II.

Persidangan Juruhebah2 Wanita Di-Honolulu Bersetuju Merapatkan Persafahaman Antara Juruhebah2 Wanita - Kata Dayangku Intan

BERAKAS. — Persidangan Juruhebah2 Wanita dari Asia dan Amerika yang telah di-langsungkan di-Honolulu dalam bulan Mei yang lalu, telah bersetuju antara lain-nya, untuk merapatkan persafahaman di-antara juruhebah2 wanita Antara Bangsa dari seluruh Asia dan Amerika.

Demikian kata Dayangku Intan binte Pengiran Haji Apong dari Radio Brunei, ketika ia kembali ka-Brunei dari Honolulu melalui Hong Kong dengan kapal terbang pada tengah hari Rabu 25 Mei, 1966.

Persidangan Juruhebah2 Wanita tersebut, kata Dayangku Intan, telah di-langsungkan di-Pusat Kebudayaan dan Penukaran Teknik antara Timor

dan Barat di-Honolulu sa-lama sa-minggu dalam bulan Mei yang lalu.

Seramai 20 orang wakil2 dari beberapa buah negara telah menghadiri persidangan tersebut. Wakil2 dari Asia yang menghadiri Persidangan Juruhebah2 Wanita itu ia-lah dari Brunei, Malaysia, Singapura, Hong Kong, Philipina, Republik China, Jepun dan Okinawa.

Dayangku Intan berkata lagi bahawa semasa menghadiri persidangan tersebut, ia telah memberikan satu cheramah mengenai Peranan Wanita dalam Siaran Radio.

Dayangku Intan telah juga berpeluang melawat ka-beberapa buah Pusat Belia dan Kebudayaan serta tempat2 yang mashor semasa lawatan-nya ka-Honolulu baru2 ini.

Kelas Urusan Rumah Tangga Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait

SERIA. — Sa-buah Kelas Urusan Rumah Tangga, di-bawah anjuran Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait, telah mulai di-adakan baru2 ini di-rumah persatuan tersebut di-Seria.

Kelas itu di-kekelolakan oleh Dayang Salmah binte Lamat, sa-orang lepasan Sekolah Latehan Wanita Ipoh, Perak, dan terbuka untuk ahli2 persatuan tersebut sahaja.

Kelas Urusan Rumah Tangga itu di-adakan pada tiap2 hari Sabtu mulai jam 4.30 petang hingga ka-jam 5.30 petang dengan tidak di-kenakan sa-barang bayaran pun, sebagaimana Kelas Bahasa Inggeris yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Jun, hingga ka-hari Selasa 7 Jun, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1	1	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6.06
2	2	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6.06
4	4	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6.06
5	5	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6.06
3	3	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6.06
6	6	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06
7	7	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait Membantu Bekas Orang2 Tahanan

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat, Daerah Belait telah memberikan bantuan wang berjumlah sa-banyak \$225 kepada lima orang dari Daerah Belait yang telah di-bebasikan dari Perkhemahan Tahanan Berakas semenjak awal tahun ini.

Bekas orang2 tahanan itu ada-lah mengandungi empat orang yang sudah berkahwin

dan sa-orang belum lagi berkahwin.

Perkara tersebut telah di-bentangkan dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Tadbir, Majlis Perkhidmatan Masharakat, Daerah Belait, yang telah di-langsungkan di-Pusat Kemasharakatan, Seria, pada 20 Mei, 1966 dengan di-pengerusi-kan oleh Dato P. A. Coates.

CHITA2 MEMESAT



Murid2 dari sa-buah Sekolah Ugama di-Daerah Belait bernashid di-Majlis Perjumpaan Guru2 Ugama di-Daerah Belait bertempat di-Dewan Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait baru2 ini.

DALAM sa-panjang bulan Mei tahun 1966 ini merupakan bulan perjumpaan dan kursus bagi sa-bilangan besar masha-rakat yang bertanggung jawab bagi mendidek anak bangsa kita menuju ka-satu arah berilmu-pengetahuan, berperibadi tinggi dan berguna pada Bangsa, Ugama dan Negara.

Kerajaan telah menyedari bahawa dewasa ini amat sesuai untuk meng-gali sa-barang kelemahan dan menimbus kelemahan itu serta di-ganti dengan satu chara yang di-fikir-kan lebeh maju demi un-tok memadatkan Negeri Brunei dengan ra'ayat-nya yang berilmu penge-tahuan sa-tinggi2-nya.

Kegemilangan Negara

Memang, bahawa ke-majuan dan kegemilangan sa-sabuah negara itu ka-mata dunia, banyak be-nar bergantung pada ra'-ayat-nya yang berilmu da-lam bidang2 yang tertentu.

Maka timbul-lah reaksi untuk mengadakan per-jumpaan dan kursus yang di-perchayai bahawa ha-nya dengan bertemu-pandang dan berbinchang antara guru2, timbul-nya satu rumusan yang ber-kesan untuk lebeh meng-hebatkan lagi usaha Ke-rajaan bagi membekalkan ilmu pengetahuan di-sa-tiap tuboh badan ra'ayat negeri ini.

Hari Sabtu 14 Mei, 1966 hingga-lah hari Ju-



Dalam gambar ini kelihatan Guru Besar dari sa-buah Sekolah Melayu di-Negeri Brunei semasa beliau melafadzkan ucapan di-satu majlis yang telah di-langsungkan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria, pada masa di-adakan Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu dari seluroh Negeri Brunei tidak berapa lama dahulu.

GURU2 BERKUR UNTOK FA DA

ma'at 20 Mei, 1966, maka berlangsung-lah satu kur-sus yang di-panggil "Kur-sus Guru2 Besar Seko-lah2 Melayu Sa-Negeri Brunei" bertempat di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Matalamat Yang Besar

Hanya satu matalamat yang besar peri mengada-kan kursus tersebut ia-itu untok mengatasi sa-ba-rang kelemahan dalam menyalorkan ilmu penge-tahuan kapada murid2.

Di-sapanjang kursus itu sudah barang tentu di-jumpai apa yang di-chari ia-itu "kelemahan" dan tidak mustahil pula tin-dakan akan segera di-ja-lankan untok mengatasi kelemahan tersebut.

Tidak berlebihan ka-lau kita katakan bahawa kursus tersebut telah memperolehi satu keja-yaan yang besar dan ke-mungkinan perubahan beberapa faktor penya-loran pelajaran yang le-beh berkesan akan di-lakukan.

Ukuran ini kita buat ada-lah berdasarkan Pen-sharah2 yang memberikan sharahan2 mereka dalam kursus itu saperti Penasehat E k o n o m i Bangsa2 Bersatu di-Bru-nei, Dr. Joseph S. Gould; Pengetua Sekolah Mene-

Pe
Ha
ngah
Dr.
Pengo
ruan
Awan
din;
Dewa
taka
hap;
Guru
Bumf
tadbi
Berho
Aziz
Haji
Makt
laya,
jid H
ta be
Ke
D
Per
lajara
nan
Nega
mereka

MAJUAN PELAJARAN DAN BERBINCHANG H MASHARAKAT NEGARA



Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking kelihatan semasa beliau berucap di-majlis penutup Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria, dalam bulan Mei yang lalu.



Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Awang terlihat berucap di-satu majlis anjoran Jabatan Ugama, Negeri Brunei, pada bulan yang lalu.

Pertama, undjuntak; b Pengu- runei, bin Bi- Pengarah dan Pus- at Hara- Latehan A. D. wai Pen- ei, Yang ng Abdul K. Awang Pengetua ama Ma- Abdul Ma- mad, ser- ng lagi.

lajaran Brunei

enteri Pe- wai2 Ka- Pelajaran uchapan2 penutup

kursus tersebut telah mengharapkan supaya kursus bagi guru2 besar itu akan mendatangkan faedah dan memberi kesan bagi kemajuan pelajaran di-negeri ini.

Pada 19 Mei, 1966 berlangsung-lah pula satu perjumpaan antara Guru2 Ugama Daerah Belait kali yang ke-5, bertempat di-Dewan Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait.

Perjumpaan yang diadakan sa-hari suntok itu ada-lah bertujuan juga untuk memesatkan perjuangan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan Ugama Islam di-kalangan penduduk2 sekitar daerah itu.

Mengerat Perhubungan

Sa-lain dari itu, perjumpaan tersebut bertujuan juga untuk mengerat dan memadukan perhubungan antara guru2 Ugama dan membaharui tekak masing2 dan menanamkan semangat chintakan Ugama di-kalangan masyarakat Islam sendiri, khas-nya di-Kuala Belait dan khusus-nya di-seluruh Negeri Brunei.

Saperti yang kita saksikan sekarang bahawa Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei ia-lah satu antara beberapa buah jabatan yang bergerak chergas dalam menu-

ju matalamat-nya bagi menegembagluaskan Ugama rasmi negara.

Maka Perjumpaan Guru2 Ugama di-Daerah Belait itu sudah barang tentu memperolehi beberapa kesan yang baik terutama untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam bidang2 yang tertentu.

Muafakat Ada-lah Berkat

Sa-tiap usaha yang bertujuan suchi murni, nescaya memperolehi kejayaan, saperti kata orang tua2 kita "muafakat ada-lah berkat".



Sa-orang Guru Sekolah Inggeris kelihatan bercheramah baru2 ini di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria, pada masa di-adakan Kursus Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Pembantu Teknik Rendah Di-Pejabat Ukor Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Pembantu Teknik Rendah di-Pejabat Ukor, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 bagi jawatan di-bawah rancangan ini adalah di-kehendaki mencha-pai umur 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 35 tahun.

Pemohon2 mesti-lah ra'-ayat ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'-ayat Duli Yang Maha Mulia.

(b) Pemohon2 mesti-lah lulus dalam Form III, Sekolah Ingeris.

(c) Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang mendapat 'Kepujian' dalam Ilmu Kira2 (Mathematics), tetapi tidak-lah mustahak.

Gaji:

Dalam sukatan D 1-2 EXAM BAR 3-4 \$210x10-270x15-360/EXAM BAR/380x20-620.

Pemohon2 yang berjaya akan di-lantek dalam perhubungan selama tiga tahun.

Pemohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Jun, 1966.

Jaga Di-Jabatan Ugama Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'-ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi dua jawatan kosong sebagai Jaga di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 tahun hingga 60 tahun serta tahu menulis dan memba-cha.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.1 \$160 x 5 - 175.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Jun, 1966.

JURU TEKNIK MA'MAL DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESEHATAN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi dua jawatan kosong sebagai Juru-teknik Ma'mal Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latehan di-Institute of Medical Research Kuala Lumpur selama sekurang2-nya 3 tahun, atau mendapat latehan yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah mempunyai sijil2 atau diploma Juruteknik Ma'mal Terlateh.

Gaji: Dalam sukatan \$380x20 - 480 / EB / 500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang perta-

ma. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: — Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 4 Jun, 1966.

Perajurit2 Baru Di-Kehendaki Untuk Berkhidmat Dalam Askar Melayu Diraja Brunei

LEBEH KURANG 70 orang baru ada-lah di-kehendaki untuk berkhidmat dalam ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI mulai pada awal bulan Ogos tahun ini.

Umur — Di-antara 18 dan 25 tahun. Belum berkahwin.

Tinggi — Tidak kurang dari 5 kaki.

Bangsa — Bangsa Melayu dan ra'-ayat Negeri Brunei.

Kelulusan — Pelajaran yang baik ada-lah berguna, tetapi tidak di-mestikan. Bagaimana pun, sukarelawan2 mesti-lah lulus suatu ujian akal yang senang.

Tempat, Tarikh dan Masa Temu Duga —

DI-PERKHEMAHAN A.M. D.B., BERAKAS BRUNEI bagi sukarelawan2 dari Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong:

Hari Rabu 1 Jun — Dari jam 8-45 pagi sampai 12-30 tengah hari dan dari jam 2 petang sampai 4-30 petang.

Hari Khamis 2 Jun — Dari jam 8-45 pagi sam-

pai 12-30 tengah hari. Makan Tengah Hari boleh di-beri dalam Perkhemahan Berakas untuk sukarelawan2 yang tinggal lebeh dari 20 batu daripada Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.

DI-DEWAN DAN BILEK BACHAAN AWAM, JALAN BUNGA RAMBAI, KUALA BELAIT bagi sukarelawan2 dari Daerah Belait:

Hari Ithnin 6 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari dan dari 2 petang sampai 4-30 petang.

Hari Thalatha 7 Jun — Dari jam 8-30 pagi sampai 12-15 tengah hari.

Penerangan Lanjut — Sukarelawan2 yang berkehendakan penerangan sa-lanjutnya boleh-lah menulis kepada Pegawai Pemerintah, Kompeni Latehan, Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas, Brunei.

Ketua Jururawat Kesehatan

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 Ketua Jururawat Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei (3 jawatan kosong).

Tugas2 jawatan ini termasuk-lah menjaga Perkhidmatan Kesehatan Ibu2 dan Anak2 di-sebarang daerah di-Negeri ini.

Kelayakan2:

- Lulus S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.
- Mesti lulus dan mempunyai Sijil Peperiksaan bagi Pelawat Kesehatan.
- Kalau boleh hendak-lah pandai bertutor dalam bahasa Melayu.

Gaji: Dalam sukatan BW1 \$1020x40 - 1220 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji pujokkan akan di-bayar sekira-nya berhak menurut Peratoran2.

Tempoh Perkhidmatan: Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Jun, 1966.

Pemeriksa Tali Ayer Dan Parit2

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pemeriksa Tali Ayer dan Parit2 di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja tali ayer dan parit selama sekurang2-nya lima tahun, lulus Form III Ingeris dan boleh berbahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang tahu kerja ukor mengukor.

Gaji: Dalam sukatan D.1-2 EB 3 \$210x10-270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan

selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Jun, 1966.

Perlawanan Sepak Raga Jaring Anjoran P.G.G.M.B. Kerana Menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi Daerah Brunei untuk merebutkan dua buah perisai kurniaan daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan satu Oskar yang di-hadiahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, akan di-adakan di-Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-adakan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, sahara pukul keliling.

Perlawanan itu ada-lah terbuka antara Jabatan2, Maktab2 dan Sekolah2, Kelab2 dan Persatuan atau badan2 yang sah di-daftarkan dengan pihak Kerajaan.

SHARAT2

Sharat2 memasuki Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut ada-lah seperti berikut:

1. Perlawanan terbahagi kepada dua bahagian ia-itu "A" dan "B".
2. Tiap2 Jabatan / Kelab / Maktab dan Sekolah di-benarkan memasokki hanya dua pasukan sahaja, ia-itu satu pasukan "A" dan satu pasukan "B".
3. Tiap2 pasukan yang memasokki akan di-kenakan bayaran sa-banyak \$8.00 bagi satu pasukan "A"

dan \$7.00 bagi satu pasukan "B".

4. Tiap2 satu pasukan mestilah menghantar lima orang wakil pemain-nya termasuk dua orang pemain simpanan.
5. Pemain2 yang telah mendaftarkan nama ka-dalam satu pasukan bagi Jabatan / Persekutuan / Kelab / Maktab dan Sekolah hanya di-bolehkan bermain pada kumpulan yang dimasokki-nya itu (A atau B) sahaja.
6. Pemain2 yang tidak berdaftar dalam borang tidak di-benarkan bermain. Jika ada di-dapati, maka pasukan itu akan di-tolak dari perlawanan.
7. Tiap2 satu pasukan yang hendak meminta batalkan, mestilah terlebih dahulu membuat permakluman kepada Setiausaha atau Pengadil hari itu atau kepada pengerusi dengan menyatakan sesuatu kesu-

litan sa-belum 24 jam dan pasukan ha-nya di-benarkan dua kali pembatalan sahaja pada satu pasukan yang lawan-nya itu.

8. Sa-belum perlawanan dijalankan, tiap2 ketua atau wakil pasukan2 akan di-jemput hadir untuk mengadakan perundingan atau meshuarat.
9. Segala undang2 dan peraturan2 pemain sepak raga jaring ada-lah berpandu daripada buku undang2 dan peraturan2 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Tanah Melayu (mengikut seperti tahun2

lepas).

10. Peserta2 yang memasokki ka-perlawanan ini di-kehendaki mengisi borang yang di-sediakan dan hendak-lah di-hantar balek tidak lewat pada 17 Jun, 1966 jam 3.00 petang dan jika lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan maka borang permohonan masuk tidak di-terima.

Permohonan2 di-alamatkan kepada:— Che'gu Ak. Ahmad bin Pg. Umar, d/a Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Brunei, atau Che'gu Md. Husain bin Zainal, d/a Pejabat Pelajaran, Brunei.

Sokan Dan Olah-Raga

Oleh AWANG MD. HUSAIN ZAINAL

BANDAR BRUNEI:

Perlawanan Sokan Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-Negeri Brunei, atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei, ada-lah julung2 kali di-adakan pada tahun ini dan seterusnya akan menjadi projek tahunan Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan sokan tersebut ada-lah terbuka kepada Sekolah2 Menengah dan Maktab2 diseluruh Negeri Brunei.

Perlawanan pada tahun ini akan di-jalankan pada 3 Jun, 1966, bertempat di-Gelanggang Sokan Seria, mulai jam 1.30 petang.

Sa-banyak 12 buah Sekolah2 Menengah dan Maktab2 akan menyertai perlawanan tersebut.

Sa-banyak 14 acara perlawanan kumpulan Laki2 dan 11 acara perlawanan kumpulan Perempuan akan di-pertandingkan pada petang itu. Tiga buah Piala Perak Rebutan Jabatan Pelajaran akan di-rebutkan pada petang itu ia-itu: Sa-buah untuk mata yang tertinggi sekali champran Lelaki dan Perempuan, sa-buah Johan Kumpulan Lelaki dan sa-buah Johan Kumpulan Perempuan.

Pada jam 3.30 petang itu akan di-adakan Pertunjukan Jimnastik oleh Pasukan Jimnastik Maktab Perguruan Melayu Brunei, yang terdiri dari pasukan Lelaki dan Perempuan.

SOKAN PERINGRAT DAERAH

Pada 5 Jun, 1966 akan di-langsungkan Perlawanan Sokan Pemilihan Peringkat Daerah atas kelolaan Persatuan Sokan Amatear Negeri Brunei.

Perlawanan sokan itu akan dijalankan serempak ia-itu:—

- (i) Daerah Brunei dan Tutong, bertempat di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei mulai jam 1.30 petang.
- (ii) Daerah Belait dan Seria, bertempat di-Gelanggang Sokan Seria, mulai jam 1.30 petang.

Keputusan perlawanan antara Kedua2 Pemilihan yang mendapat Pangkat Pertama, Kedua dan Ketiga dari tiap2 jenis perlawanan, akan masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri yang akan di-langsungkan pada 12 Jun, 1966 bertempat di-Gelanggang Sokan Seria.

PERLAWANAN TINJU TERBUKA KAPADA PEMINAT2-NYA DI-SELUROH NEGARA

SERIA. — Satu temasha Perlawanan Tinju akan di-adakan di-Gelanggang Sokan Seria pada malam hari Sabtu 11 Jun, 1966, di-bawah anjoran Persatuan Belia Seria.

Perlawanan Tinju tersebut ada-lah terbuka kepada semua peminat2 permainan tinju diseluruh Negeri Brunei.

Peminat2 permainan tinju yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perlawanan tinju tersebut boleh-lah membuat perhubungan dengan:

- (a) Malai Mohamed d/a Jabatan Alat2 Kelengkapan, Sharikat Minyak Brunei Shell Berhad, Seria, atau
- (b) Chegu Juma'at, d/a Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria, atau pun mereka boleh-lah datang karumah Persatuan Belia Seria sa-lepas jam 4 petang tiap2 hari.

Pendaftaran untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Tinju tersebut akan ditutup pada hari Rabu 8 Jun, 1966.

Sementara itu, peminat2 permainan tinju yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perlawanan Tinju tersebut, boleh-lah berlatih di-bangunan Persatuan Belia Seria, di-Lorong Dua, ia-itu berdekatan dengan Gelanggang Sokan Seria.

Jadual2 Perlawanan Bola Sepak:

Anjoran M.P.P. Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kekolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling di-Padang Besar, Bandar Brunei, mulai pada 1 Jun hingga ka-7 Jun ada-lah seperti berikut:

- 1 Jun: Burong Pingai melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi—Belia Sengkurong.
- 2 Jun: Perkasa melawan Sukarela Tutong. Penjaga

Tepi — 3 PKA.

- 3 Jun: Sumbiling "A" melawan Kubu. Penjaga Tepi — Sungai Kedayan.
- 4 Jun: 3 PKA melawan Belia Berakas. Penjaga Tepi—Sumbiling "B".
- 6 Jun: Sumbiling "B" melawan Sungai Kebun. Penjaga Tepi — Sultan Lama "A".
- 7 Jun: Sungai Kedayan melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Burong Pingai.

Antara Balai2 Pulis Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak antara Balai2 Pulis Diraja Daerah Belait, bagi pusingan ke-dua dalam bulan ini ada-lah seperti berikut:

- 2 Jun: Penchegah Rusohan "B" melawan Balai Pulis Seria "A" di-Padang Panaga.
- 4 Jun: Balai Pulis Panaga "B" melawan Pulis Belait "A" di-Padang Kuala Belait Recreation Club.
- 9 Jun: Penchegah Rusohan "A" melawan Balai Pulis Panaga "A" di - Padang Panaga.
- 11 Jun: Balai Pulis Panaga "A" melawan Balai Pulis

Seria "A" di-Padang Panaga.

- 16 Jun: Penchegah Rusohan "A" melawan Pulis Belait "A" di-Padang Kuala Belait Recreation Club.
- 18 Jun: Balai Pulis Panaga "A" melawan Balai Pulis Panaga "B" di-Padang Panaga.
- 23 Jun: Balai Pulis Panaga "A" melawan Balai Pulis Seria "A" di-Padang Panaga.
- 25 Jun: Penchegah Rusohan "A" melawan Penchegah Rusohan "B" di-Padang Panaga.
- 30 Jun: Penchegah Rusohan "B" melawan Pulis Belait "A" di-Padang Panaga.

Pengurniaan Panji-panji Kapada Pasokan A.M.D.B.

(Dari Muka 1)


titah bahawa di-samping mengurniakan tauliah kapada 11 orang Pegawai2 baharu, ramai dari seldadu2 itu telah dinaikkan pangkat kapada Pegawai2 Yang Tidak Bertauliah dan pada masa ini ada 4 orang Pegawai Kadet yang sedang menjalani kursus di-saberang laut, ia-itu di-Australia dan di-England.

Baginda ada-lah menghargai latehan sa-demikian itu yang di-berikan kapada pemuda2 tempatan. Baginda juga merasa bangga kerana dua orang Putera Baginda ia-itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah sedang menjalani kursus di-Maktab Ketenteraan Diraja, Sandhurst.

Mengenai Pegawai2 asing yang berkhidmat dalam pasokan itu, Baginda bertitah bahawa ta'at setia yang di-berikan oleh Pegawai2 yang dipinjam dari Pasokan2 Bersenjata Baginda Queen itu, adalah satu daripada bukti2 yang persahabatan dan kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan Kerajaan Baginda Queen adalah nyata di-tunjokkan.

Atas perkhidmatan mereka itu, Baginda mengucapkan terima kasih terutama kapada Lt. Col. Dato Setia Fletcher dan semua Pegawai2 dan NCO2-nya yang akan balek ka-pasokan masing2 sa-telah berkhidmat sa-lama lebeh dua tahun dengan Askar Melayu Diraja Brunei.

Sepanjang upacara menyampaikan panji2 itu telah di-selimuti dengan suasana hujan lebat dan perbarisan2 kehormatan yang di-jadualkan telah berjalan dengan lichen dan askar2 yang mengambil



Gambar yang bersejarah ini di-ambil di-Perkemahan Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas pada pagi ke-lamarin. Dalam gambar ini kelihatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin sedang mengurniakan Panji-Panji kapada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

bagian dalam upacara tersebut telah basah kuyup.

Ketika menyampaikan titah ucapan itu di-tengah2 padang kawat Baginda sendiri telah di-timpa hujan dan sa-waktu memeriksa perbarisan kehormatan pun dalam suasana hujan yang agak renyai2.

Turut hadir dalam upacara itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tuan Yang Terutama Pe-

surohjaya Tinggi British; Pengarah Gerakan Borneo, Major General Dato Seri Paduka G. H. Lea; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan orang2 kenamaan.

**BOLA SEPAK:
BELIA SUMBILING
MELAWAN LABUAN
KAMPONG SUMBILING.** — Pasokan Bola Sepak Belia Sumbiling akan bertemu dengan Pasokan Labuan State Amateur Football Association dalam satu perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-Labuan pada hari Juma'at 10 Jun, 1966.

Perlawanan bola sepak tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Labuan mulai jam 4.45 petang hari tersebut.

Pasokan Bola Sepak Belia Sumbiling itu mengandungi seramai 15 orang, akan di-ketuai oleh Awang Husain bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Rombongan tersebut di-jadualkan berangkat ka-Labuan dengan menaiki sa-buah kapal Kerajaan pada pagi hari Juma'at 10 Jun dan balek ka-Brunei pada petang hari Sabtu 11 Jun.

Peraduan Bachan Al-Koran Dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama

BANDAR BRUNEI.—Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muga Dato Paduka Kemaluddin akan merasmikan pembukaan Peraduan Bachan Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara pada jam 1.30 petang hari Ahad 5 Jun, 1966, bertempat di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei.

Murid2 dari Sekolah2 Ugama dari Kawasan2 Brunei I, Brunei II dan Brunei III yang telah berjaya dalam Peraduan Bachan Al-Koran dan Sharahan di-kawasan masing2 baru2 ini akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin di-jangka akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 peraduan tersebut.

Orang ramai ada-lah di-jemput ka-Dewan Madrasah Bandar Brunei pada petang hari Ahad hadapan.

PEGAWAI2 BARU PERSATUAN HOKI NEGERI BRUNEI

SERIA. — Pegawai2 baru Persatuan Hoki Negeri Brunei untuk tahun 1966/1967 yang telah di-lantik dalam Mashuarat Agong persatuan itu di-Maktab Anthony Abell baru2 ini ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awang Abdul Hamid bin Ja'afar.
Naib Yang Dipertua: (a) Daerah Belait — Pengiran Besar bin Pengiran Haji Wahab; (b) Daerah Brunei — Awang Mohamed bin Ismail.

Setia Usaha Yang Kehormat Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit. Penolong Setia Usaha — Awang Masni bin Hussain. Bendahari — Awang Md. Hussain bin Zainal.

Majlis Perbincangan Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Perbincangan anjoran Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei, akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada jam 8.30 pagi hari Juma'at 3 Jun, 1966.

Tajok Perbincangan tersebut ia-lah: "Tugas Ugama dalam kehidupan manusia di-tinjau dari sudut Ugama Islam."

HARGA BERAS NAIK

\$2.15 Sa-gantang Di-Bandar Brunei
\$2.20 Sa-gantang Di-Daerah Belait

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumumkan dengan rasmi-nya bahawa harga bagi tiap2 sa-gantang beras pada masa ini jenis 'AAA' telah di-naikkan kapada \$2.15 sen bagi jualan di-Bandar Brunei dan \$2.20 sen bagi jualan di-Kuala Belait dan Seria.

Pengumuman itu telah di-keluarkan oleh Pengawal Setor Kerajaan, Brunei, Awang A. S. Newn pada 30 Mei yang baru lalu.

Kenaikkan tersebut ada-lah di-sebabkan naiknya harga yang di-tetapkan dari Negeri Siam.